

## DAYA SAING DAN ANJAKAN (*SHIFT*) DALAM JENIS KONTRAK PEMBIAYAAN PERBANKAN ISLAM\*

Mohd Yahya Mohd Hussin\*\*

Fidlizan Muhammad\*\*\*

Salwa Amirah Awang\*\*\*\*

Nor ‘Azzah Kamri\*\*\*\*\*

### ABSTRACT

*This study aims to research the changing trend in the use of contract types in Islamic banking financing in Malaysia for the year of 2007 and 2008. In this research, monthly data for each type of financing concept is applied. The data is analyzed via the shift-share technique. Based on the findings, it is found that Islamic banking financing tends to apply the contract of Murābahah and Ijārah. Meanwhile, results shown that there is a decrease in the use of the contract riding on Bay‘ bi Thaman Ājil.*

**Keywords:** *Islamic bank, Islamic banking financing, shift-share analysis*

---

\* Artikel ini adalah berasaskan kepada penyelidikan yang dijalankan pada tahun 2009 dan dibiayai oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

\*\* Senior Lecturer, Faculty of Management and Economics, Sultan Idris Education University, Tanjong Malim, Perak, yahya@fpe.upsi.edu.my

\*\*\* Lecturer, Faculty of Management and Economics, Sultan Idris Education University, Tanjong Malim, Perak, fidlizan@fpe.upsi.edu.my

\*\*\*\* Lecturer, Department of General Studies, Polytechnic of Sultan Azlan Shah, Tanjong Malim, Perak, sis\_humaira@yahoo.com

\*\*\*\*\* Senior Lecturer, Department of Shariah and Management, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, azzah@um.edu.my

## PENGENALAN

Usia perbankan dan kewangan Islam di Malaysia telah menjangkau tempoh 25 tahun semenjak penubuhan institusi perbankan Islam pertama iaitu Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983. Sejak dari itu, sektor kewangan Islam terus berkembang dalam pelbagai bidang seperti takaful, unit amanah, pasaran saham, pajak gadai, sukuk dan sebagainya. Dalam tempoh ini juga, sektor kewangan Islam telah berjaya mewujudkan pelbagai instrumen dan produk yang dapat memenuhi keperluan masyarakat Malaysia amnya, dan khususnya masyarakat Islam dalam pelbagai kegiatan atau keperluan ekonomi.<sup>1</sup>

## SISTEM PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

Pada tahun 2000, Bank Negara Malaysia (BNM) mensasarkan penguasaan pasaran kewangan Islam pada tahun 2010 ialah 20 peratus daripada keseluruhan pasaran kewangan di Malaysia. Sasaran tersebut dibuat memandangkan industri ini semakin berkembang. Ini dibuktikan apabila bilangan institusi perbankan khususnya bank perdagangan yang terlibat dalam sektor perbankan Islam ini semakin bertambah. Pada tahun 1999, bilangan bank perdagangan yang terlibat ialah 26 buah, dengan 2 daripadanya adalah *Islamic full fledged* iaitu Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Manakala lain-lain bank perdagangan melaksanakannya berdasarkan konsep *Islamic windows*. Jumlah bank perdagangan Islam ini meningkat kepada 35 buah pada tahun 2008. Pada tempoh ini, sebanyak 13 buah bank perdagangan Islam asing beroperasi di Malaysia.<sup>2</sup>

Menurut Dato' Zamani, perkembangan pesat sektor kewangan Islam ini yang meliputi pelbagai bidang adalah dipengaruhi dan dipacu oleh pembangunan infrastruktur keinstitutionan yang menyeluruh dan peningkatan kesedaran orang ramai mengenai produk kewangan Islam. Ianya merupakan antara elemen penting yang menyokong memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pelopor dan peneraju kewangan dan perbankan Islam.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Mohd Yahya Mohd Hussin dan Joni Tamkin Borhan (2009), "Analisis Perkembangan Pasaran Saham Islam di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 17(3), hh. 431-456.

<sup>2</sup> Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php/ch=117&pg=366&ac=62&lang=bm>, 15 Mei 2008.

<sup>3</sup> Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=9&pg=15%ac=202>, 12 Mei 2008.

Dari sudut jangkauan masa depan sistem kewangan Islam ini dalam menyaingi sistem kewangan konvensional di Malaysia pula ianya adalah amat baik. Selain dipengaruhi oleh pematuhan terhadap konsep syariah, penawaran kadar deposit dan pembiayaan yang kompetitif, dan paling utama ialah sokongan berterusan yang diberikan oleh pihak kerajaan ke arah menjadikan Malaysia sebagai hub kewangan halal dunia turut menyumbang ke arah itu. Namun, perkembangan yang berlaku tidak seharusnya dipandang leka. Ini kerana perkembangannya boleh terjejas sekiranya kelangsungan kesedaran dan kefahaman berkaitan kepentingannya tidak dilaksanakan.

Menurut Asian Finance Bank (AFB):<sup>4</sup>

*“One of the main misconceptions (although Islamic banking has been introduced in Malaysia since 1983) is that Islamic banking is exclusively for Muslims. With the affixing of an “i” to Islamic products rather than applying the Arabic contract name, we hope that this change will make the product acceptable to non-Muslims.”*

Oleh itu, dalam mengekal dan meningkatkan momentum sistem kewangan Islam di Malaysia, langkah-langkah ke arah penambahbaikan melibatkan pelbagai aspek perlu dilakukan. Ianya melibatkan penawaran produk, kadar yang kompetitif, pengetahuan kakitangan, infrastruktur dan sebagainya.

## **KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAKAN DALAM PEMBIAYAAN PERBANKAN ISLAM**

Sistem kewangan dan perbankan Islam adalah berasaskan kepada falsafah Islam yang memberi keutamaan kepada akidah, tauhid dan akhlak.<sup>5</sup> Di samping itu, selain daripada memastikan ketidakhadiran elemen kadar faedah atau *ribā*,<sup>6</sup> elemen nilai dan etika Islam juga perlu menjadi unsur yang penting dalam pelaksanaan sistem perbankan Islam.<sup>7</sup> Pelaksanaan dalam perbankan

---

<sup>4</sup> Asian Finance Bank (AFB), <http://www.money3.com.my/MalaysiaHomeLoanMarket/Article/ArticleContent.aspx>, 12 Mei 2008.

<sup>5</sup> Nor Mohamed Yacop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 7.

<sup>6</sup> Muhammad Akram Khan (1994), *An Introduction to Islamic Economics*, Islamabad: International Institute of Islamic Thought and Institute of Policy Studies Islamabad, hh. 79-80.

<sup>7</sup> Nor Mohamed Yacop (1996), *op.cit.*, h. 7.

Islam perlulah berlandaskan kepada konsep syariah Islam dan menggunakan kaedah-kaedah *fiqh*.<sup>8</sup>

Di samping itu, dalam konteks *fiqh mu'āmalah*<sup>9</sup> yang lebih umum pula, aktiviti perniagaan seperti penggunaan, pengeluaran, pembekalan, perkhidmatan, pemprosesan dan sebagainya yang mempunyai kaitan dengan unsur-unsur yang dilarang dalam Islam seperti *ribā*,<sup>10</sup> *gharār*,<sup>11</sup> *maysīr*,<sup>12</sup> menguasai hak orang lain tanpa kebenaran adalah dilarang.<sup>13</sup> Termasuklah dalam larangan ini barangan dan perkhidmatan seperti minuman keras, daging anjing dan babi serta aktiviti pelacuran, disko, pub dan seumpamanya kerana ianya tidak memenuhi spesifikasi syariah.<sup>14</sup>

---

<sup>8</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM, h. 255.

<sup>9</sup> *Fiqh mu'āmalah* merujuk kepada peraturan Islam yang berkaitan dengan hukum-hukum perniagaan dan lebih merupakan rangka kerja yang sah untuk ekonomi Islam. Sila lihat dalam Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn bin 'Umar (1979), *Hāsyiyah Radd al-Mukhtār 'alā al-Ḍurr al-Mukhtār (Hāsyiyah Ibn 'Ābidīn)*, Jil. IV, Beirut: Dār al-Fikr, h. 79 dan juga Surtahman Kastin Hasan (1995), *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: DBP, h. 11.

<sup>10</sup> Mengikut al-Ṭabarī, *ribā* yang sering berlaku sewaktu zaman jahiliyah adalah dalam bentuk jual beli secara hutang. Apabila sampai tempoh tamat dan pembeli tidak dapat membayar hutangnya, maka penjual akan memanjangkan tempoh dengan ditambah jumlah hutang yang mesti dibayar. Lihat lebih lanjut dalam Muḥammad Ibn Jarīr al-Ṭabarī (1995), *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl Ayi al-Qur'ān*, Jil. 5, Beirut: Dār al-Fikr, h. 140.

<sup>11</sup> *Gharār* ditakrifkan sebagai ketidakpastian atau penipuan ketika melakukan akad jual beli. Ia merujuk sama ada kepada barangan yang tidak pasti wujud atau harga yang tidak pasti atau penipuan terhadap harga atau sifat barangan jualan. Islam menolak jual beli seperti ini kerana ia mempunyai unsur penipuan. Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti telah merumuskan bahawa *gharār* merupakan antara unsur negatif dalam sesuatu urusan niaga. Lihat juga dalam Fayrūz Abādī (1995), *al-Qāmūs al-Muḥīt*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 577.

<sup>12</sup> *Maysīr* bermaksud apa jua aktiviti yang melibatkan pertaruhan, di mana pihak yang menang akan mengambil semua pertaruhan dan pihak yang kalah akan kehilangan pertaruhannya. Lihat lebih lanjut dalam Hammād, Nazīh (1993), *Mu'jam al-Mustalahāt al-Iqtisādiyyah fī Lughah al-Fuqahā'*, Herndon: The International Institute of Islamic Thought, h. 226.

<sup>13</sup> BIRT (1998), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: BIRT, h. 5.

<sup>14</sup> Suruhanjaya Sekuriti (2008), *Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, ed. 2, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, hh. 158-164.

Memandangkan unsur-unsur tersebut perlu dielakkan oleh institusi perbankan Islam dalam menawarkan pembiayaan, ianya perlu diselesaikan terlebih dahulu dengan merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah. Sekiranya ianya tidak dapat diselesaikan, maka keputusan ijmak<sup>15</sup> dan ijtihad<sup>16</sup> ulama' akan menjadi panduan.<sup>17</sup>

Rentetan itu, asasnya konsep jual beli telah dipraktikkan dalam pembiayaan secara Islam. Ianya sejajar dengan firman Allah SWT berikut:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

“Dan Allah menghalalkan jual beli, dan mengharamkan riba.”

(Surah al-Baqarah, 2: 275)

Oleh itu, beberapa kontrak diwujudkan bagi mengaplikasikan pembiayaan yang selari dengan konsep-konsep syariah. Antara konsep-konsep syariah yang diamalkan adalah berdasarkan kepada konsep jual beli atau pertukaran, konsep perkongsian, konsep simpanan, konsep kepercayaan dan jaminan serta konsep perwakilan atau memberi izin. Setiap konsep berkenaan menggunakan beberapa kontrak yang dibenarkan oleh syarak. Sebagai contoh, konsep jual beli menggunakan kontrak *Bay' al-Murābahah*, *Bay' bi Thaman Ājil*, *Bay' al-Salam*, *Bay' al-Istiṣnā'* dan sebagainya, konsep perkongsian menggunakan kontrak *al-Muḍārabah* dan *al-Musyārahah*, konsep simpanan menggunakan kontrak *al-Wadī'ah*, dan begitulah juga dengan konsep-konsep yang lainnya. Ringkasan jenis-jenis kontrak yang digunakan berdasarkan kepada konsep-konsep di atas boleh dilihat dalam Jadual 1.

<sup>15</sup> Ijmak bermaksud persepakatan mujtahid di kalangan umat Islam terhadap sesuatu hukum syarak pada sesuatu zaman selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Lihat lebih lanjut dalam Muḥammad Abū Zahrah (1958), *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 185.

<sup>16</sup> Ijtihad ditakrifkan sebagai usaha bersungguh-sungguh dalam mengeluarkan hukum syarak amali menggunakan jalan *istinbāt* hukum. Lihat lebih lanjut dalam Yūsuf al-Qaraḍawī (1996), *al-Ijtihād fī Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Kuwait: Dār al-Qalam, h. 11.

<sup>17</sup> Suruhanjaya Sekuriti (2008), *op.cit*, h. 9. Lihat juga dalam BIRT (1998), *op.cit*. h. 6.

Jadual 1: Kontrak-Kontrak Syariah Berdasarkan Konsep-Konsep Muamalah

Konsep	Kontrak
Jual Beli / Pertukaran	<i>Bay' al-Murābahah, Bay' bi Thaman Ājil, Bay' al-Salam, Bay' al-Istiṣnā', Bay' al-Istijrār, al-Sarf, al-Ijārah, al-Ijārah Thumma al-Bay', Bay' al-Īnah, Bay' al-Dayn, al-Qarḍ al-Ḥasan</i>
Perkongsian	<i>al-Muḍārabah, al-Musyārah</i>
Simpanan	<i>al-Wadī'ah</i>
Kepercayaan / Jaminan	<i>al-Kafālah, al-Ḍamānah, al-Ḥiwālah, al-Rahn</i>
Perwakilan	<i>al-Wakālah</i>

Sumber: Diubahsuai dari Joni Tamkin Borhan (2005) dan Ab. Mumin Ab. Ghani (1999).<sup>18</sup>

Di samping itu, pengkelasan kontrak pembiayaan berdasarkan kepada bentuk pembiayaan dan produk yang dibiayai pula dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 memaparkan pelbagai jenis kontrak digunakan untuk bentuk pembiayaan dan produk yang berbeza. Jadual berkenaan juga memperlihatkan bahawa kontrak yang sama turut boleh digunapakai untuk membiayai beberapa kategori produk. Kontrak *al-Muḍārabah* misalnya digunakan untuk pembiayaan modal kerja, projek, bil penerimaan Islam dan kemudahan surat kredit. Manakala kontrak *Bay' bi Thaman Ājil* pula digunakan untuk pembiayaan rumah, kenderaan, harta dan juga sekuriti hutang secara Islam. Kepelbagaian dan persamaan ini adalah bertitik tolak daripada konsep-konsep syariah yang digunakan, sama ada konsep jual beli, perkongsian, jaminan ataupun perwakilan sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Jadual 1 terdahulu.

<sup>18</sup> Joni Tamkin Borhan (2005), "Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia", dalam Abdullah Alwi Hj Hassan *et.al* (eds), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*

Jadual 2: Kontrak Pembiayaan Mengikut Bentuk dan Produk

Bentuk Pembiayaan	Produk yang Dibiayai	Kontrak yang Digunakan
Pembiayaan Ekuiti	Modal Kerja	<i>al-Muḍārabah</i>
	Projek	<i>al-Muḍārabah, al-Musyārah</i>
Pembiayaan Perdagangan	Pembiayaan Kredit Semula Eksport Islam	<i>Bay' al-Murābahah, Bay' al-Dayn.</i>
	Bil Penerimaan Islam	<i>Bay' al-Murābahah, Bay' al-Dayn, al-Wakālah,</i>
	Kemudahan Surat Kredit	<i>al-Muḍārabah, al-Musyārah</i>
Pembiayaan Berjangka	Rumah	<i>Bay' bi Thaman Ājil, al-Ijārah Thumma al-Bay', al-Musyārah Mutanāqisah</i>
	Kenderaan	<i>Bay' bi Thaman Ājil, al-Ijārah Thumma al-Bay'</i>
	Harta	<i>Bay' bi Thaman Ājil</i>
	Peribadi	<i>Bay' al-Īnah, al-Qard al-Ḥasan</i>
Pembiayaan Sekuriti Hutang Islam	Sekuriti	<i>Bay' al-Murābahah, Bay' bi Thaman Ājil<sup>2</sup></i>

Sumber: Diubahsuai dari Joni Tamkin Borhan (2005), Radiah Abdul Kader (2001) & Nor Mohamed Yakcop (1996).<sup>19</sup>

Sehubungan itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengetahui jenis kontrak utama yang cenderung dan sering digunakan dalam pembiayaan produk-produk perbankan Islam di Malaysia dari tahun 2007 hingga tahun 2008. Jenis kontrak utama ini dapat dikenal pasti melalui analisis pertumbuhan nilai dan anjakan bersih dengan menggunakan teknik *shift-share*.

<sup>19</sup> Joni Tamkin Borhan (2005), *op.cit.*; Radiah Abdul Kader (2001), *Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd.; Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*

## DATA DAN METODOLOGI

Dalam kajian ini, data yang digunakan ialah data bulanan dari bulan Disember 2006 hingga Disember 2008. Namun begitu, analisis yang dilaporkan pada bahagian seterusnya hanya melaporkan dapatan dalam bentuk jumlah sahaja bagi kedua-dua tahun iaitu 2007 dan 2008. Data-data ini terdiri dari jumlah pembiayaan berdasarkan kontrak yang diperolehi dari laporan bulanan BNM.<sup>20</sup> Data yang digunakan untuk tujuan analisis adalah khusus kepada bank perdagangan Islam di Malaysia.

Dalam kajian ini, teknik analisis *shift-share* akan digunakan. Teknik ini diperkenalkan oleh Esteban-Marquillas (1972)<sup>21</sup> dan Richardson (1978).<sup>22</sup> Teknik analisis ini kebiasaannya digunakan untuk mengetahui kedudukan daya saing atau kompetitif perdagangan antarabangsa sesebuah negara. Namun, dalam kajian ini, teknik ini akan diaplikasikan dalam bidang kewangan. Berdasarkan penelitian kepada penggunaan teknik ini sebagai alat analisis, didapati tidak terdapat kajian yang menggunakan teknik ini dalam bidang kewangan. Oleh itu, kajian ini dapat dianggap sebagai kajian percubaan bagi mengaplikasikan teknik ini sebagai teknik mengukur daya saing dalam sektor-sektor kewangan.

Berdasarkan teknik *shift-share* ini, analisis yang diperolehi dapat memberi maklumat berkaitan daya saing. Peningkatan daya saing ini diukur berasaskan kepada tiga komponen dalam teknik ini iaitu *National Growth Share* (NGS), *Industrial Mix Share* (IMS) dan *Local Share* (LS). Sesebuah sektor atau industri dikatakan mempunyai daya saing dengan meneliti kepada perbezaan antara nilai NGS dan perubahan sebenar dalam sektor tersebut. Bagi mengukur perubahan sebenar, terdapat 2 kaedah dapat digunakan iaitu menggunakan rumus pertumbuhan atau menggunakan rumus jumlah perubahan (TC) berikut iaitu:

$$TC = NGS + IMS + LS \dots\dots\dots(1)$$

Sekiranya nilai NGS lebih besar dari TC ( $NGS > TC$ ) sektor tersebut dianggap tidak berdaya saing. Bagi menjelaskan punca ini, ianya akan dilihat kepada simbol pada IMS dan LS. Jika IMS bertanda negatif, ia menunjukkan

---

<sup>20</sup> Laporan Statistik Bulanan BNM, pelbagai bulan dari Disember 2006 hingga Disember 2008.

<sup>21</sup> Esteban-Marquillas, J.M (1972), "Shift-and-Share Analysis Revisited", *Regional and Urban Economics*, Jil. 2 Bil. 3, hh. 249-261.

<sup>22</sup> Richardson, H. (1978), "The State of Regional Economies: A Survey Article", *International Regional Science Review*, Jil. 3, Bil. 1, hh. 1-48.



kehilangan daya saing adalah disebabkan kepesatan dalam lain-lain sektor, dan sebaliknya pula jika bertanda positif. Dalam kajian ini, nilai negatif tersebut dapat diertikan sebagai kontrak tersebut telah kehilangan daya saing disebabkan oleh kewujudan kontrak lain yang lebih baik. Jumlah dalam IMS menunjukkan jumlah kehilangan daya saing kepada lain-lain kontrak.

Manakala, jika LS bertanda negatif pula ia menunjukkan sektor tersebut telah kehilangan kompetitifnya atau dengan lain perkataan, sektor tersebut sudah tidak relevan pada masa tersebut. Ketidakrelevanan ini berkemungkinan berpunca dari pelbagai faktor, contohnya, dalam kes eksport ianya dapat dikaitkan dengan kos buruh, teknologi digunakan dan sebagainya. Dalam bidang kewangan pula, ianya dikaitkan dengan inovasi atau pembangunan sesuatu produk yang dapat disesuaikan dan diterima pakai dalam aktiviti ekonomi.

Selain maklumat berkaitan daya saing, melalui perbezaan nilai NGS dan TC atau dikenali sebagai NS, hierarki keutamaan konsep syariah yang diaplikasikan dapat diketahui. Untuk mendapatkan nilai bagi setiap komponen dalam teknik ini, rumus berikut digunakan:

$$NGS_t = Lir_t Gn_t \dots\dots\dots (2)$$

$$IMS_t = Lir_t (Gin_t - Gn_t) \dots\dots\dots (3)$$

$$LS_t = Lir_t (Gir_t - Gin_t) \dots\dots\dots (4)$$

*Lir* menunjukkan nilai pembiayaan bagi setiap konsep (*i*) dalam bank perdagangan Islam (*r*), *Gn*; ialah pertumbuhan jumlah pembiayaan keseluruhan perbankan Islam di Malaysia, *Gin*; ialah pertumbuhan jumlah pembiayaan bagi setiap konsep (*i*) dan *Gir* pula ialah pertumbuhan jumlah pembiayaan bagi setiap konsep (*i*) dalam bank perdagangan Islam (*r*). Bagi mendapatkan nilai *Gn*, data jumlah pembiayaan yang digunakan ialah jumlah pembiayaan yang ditawarkan oleh bank perdagangan Islam dan bank pelaburan / kewangan Islam.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan teknik *shift-share*, keputusan analisis yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 3 dan 4 berikut. Jadual 3 memberikan maklumat berkenaan daya saing, manakala Jadual 4 adalah berkaitan hierarki konsep pembiayaan.

Jadual 3: Nilai Komponen *Shift-Share* Bagi Setiap Kontrak Pembiayaan

<b>Komponen <i>Shift-Share</i></b>	<b>Kontrak Pembiayaan</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>
<b>NGS</b>	<i>Bay' bi Thaman Ājil</i>	4698.58	6646.73
	<i>Ijārah</i>	149.81	384.95
	<i>Ijārah Thumma al-Bay' (AITAB)</i>	3636.45	5858.86
	<i>Murābahah</i>	1040.75	2723.80
	<i>Musyārahah</i>	31.43	144.48
	<i>Muḍārabah</i>	27.67	39.86
	<i>Istiṣnā'</i>	100.37	273.85
	Others	2316.76	3178.21
<b>IMS</b>	<i>Bay' bi Thaman Ājil</i>	-2917.31	-3744.55
	<i>Ijārah</i>	240.82	1235.61
	<i>Ijārah Thumma al-Bay' (AITAB)</i>	699.24	182.26
	<i>Murābahah</i>	3331.27	3426.89
	<i>Musyārahah</i>	186.17	618.19
	<i>Muḍārabah</i>	-64.70	164.32
	<i>Istiṣnā'</i>	194.36	306.28
	Others	-1672.24	-2194.57
<b>LS</b>	<i>Bay' bi Thaman Ājil</i>	49.73	-165.52
	<i>Ijārah</i>	0.00	-32.74
	<i>Ijārah Thumma al-Bay' (AITAB)</i>	0.00	0.00
	<i>Murābahah</i>	63.49	31.61
	<i>Musyārahah</i>	0.00	-332.93
	<i>Muḍārabah</i>	-1.09	0.00
	<i>Istiṣnā'</i>	0.00	0.00
	Others	18.73	4.80
<b>TS</b>	<i>Bay' bi Thaman Ājil</i>	1831.00	2736.66
	<i>Ijārah</i>	390.63	1587.83
	<i>Ijārah Thumma al-Bay' (AITAB)</i>	4335.69	6041.12
	<i>Murābahah</i>	4435.51	6182.30
	<i>Musyārahah</i>	217.60	429.74
	<i>Muḍārabah</i>	-38.12	204.18
	<i>Istiṣnā'</i>	294.73	580.13
	Others	663.24	988.44

Berdasarkan Jadual 3, pada perbandingan nilai NGS dan TS, didapati terdapat beberapa kontrak pembiayaan yang kehilangan nilai kompetitif seperti kontrak *Bay' bi Thaman Ājil*, *Muḍārabah* dan lain-lain konsep yang tidak dinyatakan khusus pada tahun 2007. Ini kerana, nilai NGS didapati lebih besar dari TS. Sebagai contoh, *Bay' bi Thaman Ājil* didapati kehilangan daya saing kerana jumlah perubahan (TC) dicapai lebih rendah dengan jangkaan. Oleh itu, *Bay' bi Thaman Ājil* hilang daya saing kerana pertumbuhannya yang dicapai lebih rendah berbanding pertumbuhan disasar.

Kehilangan daya saing ini juga boleh difaktorkan kepada peralihan pembiayaan yang menggunakan kontrak ini kepada kontrak-kontrak lain. Ianya ditunjukkan oleh nilai negatif pada ketiga-tiga kontrak. Manakala, bagi lain-lain kontrak pula mempunyai tanda positif. Keadaan ini mengukuhkan bukti bahawa berlakunya alihan dari menggunakan tiga kontrak tersebut. Walau bagaimanapun, antara ketiga-tiga produk tersebut, konsep pembiayaan berasaskan kontrak *Muḍārabah* mengalami kejatuhan daya saing yang ketara. Ini kerana, simbol negatif pada LS membuktikan bahawa tidak berlakunya inovasi dalam kontrak ini yang boleh menarik minat masyarakat untuk menggunakannya. Sebaliknya pula diperhatikan bagi kontrak *Bay' bi Thaman Ājil* dan “others”.

Dalam tahun 2008 pula, didapati kontrak *Muḍārabah* telah berjaya mengatakan daya saingnya. Keadaan sebaliknya pula bagi kontrak *Bay' bi Thaman Ājil* dan “others”. Status daya saing yang merosot secara berterusan bagi kontrak *Bay' bi Thaman Ājil* khususnya berkemungkinan dapat dikaitkan dengan perdebatan kesahihan konsep ini yang dijelaskan oleh Shamsiah Mohamed dan Nor Fahimah Mohd Razif (2009).<sup>23</sup>

Berdasarkan simbol LS pula, didapati pada tahun 2008, terdapat dua kontrak pembiayaan yang mempunyai tanda negatif iaitu kontrak *Ijārah* dan *Musyārahah*. Penemuan ini menunjukkan, walaupun kedua-dua kontrak ini masih berdaya saing secara keseluruhan, namun secara individunya, didapati kontrak ini memerlukan perhatian untuk ditambah baik oleh pihak bertanggungjawab agar kontrak ini dapat diinovasi bagi memenuhi keperluan masa hadapan.

---

<sup>23</sup> Shamsiah Mohamed dan Nor Fahimah Mohd Razif (2009), “Instrumen Pasaran Modal Islam di Malaysia: Tumpuan Kepada Sekuriti Patuh Syariah, Sukuk dan Reits Islam”, *Prosiding Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hh. 1-15.

Jadual 4: Pertumbuhan Pembiayaan dan *Net Shift*

<b>Kontrak Pembiayaan</b>	<b>Pertumbuhan (%)</b>	<b><i>Net Shift</i> (%)</b>	
	<b>2007-2008</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>
<i>Bay' bi Thaman Ājil</i>	8.67	-28.68	-39.10
<i>Ijārah</i>	137.65	2.41	12.03
<i>Ijārah Thumma al-Bay'</i> (AITAB)	23.41	6.99	1.82
<i>Murābahah</i>	63.96	33.95	34.59
<i>Musyarakah</i>	114.79	1.86	2.85
<i>Muḍārabah</i>	185.95	-0.66	1.64
<i>Istiṣnā'</i>	72.15	1.94	3.06
Others	6.25	-16.54	-21.90

Berdasarkan Jadual 4, hierarki kontrak pembiayaan dapat dibahagikan kepada dua perbincangan iaitu berdasarkan nilai pertumbuhan, dan perubahan bersih (NS). Berdasarkan nilai pertumbuhan pembiayaan, hierarki kontrak pembiayaan yang diperolehi ialah; *Muḍārabah*, *Ijārah*, *Musyarakah*, *Istiṣnā'*, *Murābahah*, *Ijārah Thumma al-Bay'* (AITAB), *Bay' bi Thaman Ājil* dan “others”. Berdasarkan susunan ini, dapat disimpulkan bahawa kontrak *Muḍārabah* adalah kontrak yang utama dalam bank perdagangan Islam.

Namun, hierarki ini dapat disangkal berdasarkan nilai anjakan bersih yang ditunjukkan pada tahun 2007 dan 2008 dalam Jadual 3. Dari Jadual 3, didapati kontrak utama yang digunakan dalam pembiayaan bank perdagangan Islam ialah kontrak *Murābahah*, di mana nilainya telah meningkat dari 33.95 (2007) kepada 34.59 (2008). Ianya disusuli oleh kontrak *Ijārah*. Bagi kontrak *Muḍārabah* pula, didapati pada tahun 2008, nilai NS telah meningkat. Peningkatan ini adalah sejajar dengan bukti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di mana tanda positif pada IMS membuktikan bahawa kontrak ini banyak digunakan dalam pembiayaan pada tahun 2008.

## KESIMPULAN

Berdasarkan teknik *shift-share* untuk sepanjang tempoh kajian (2007-2008), didapati kontrak pembiayaan berasaskan konsep *Muḍārabah*, *Ijārah* dan *Musyarakah* telah banyak digunakan oleh bank-bank perdagangan Islam di Malaysia dari aspek nilai pertumbuhan untuk setiap kontrak syariah yang digunakan. Ini membuktikan bahawa kontrak *Muḍārabah* merupakan kontrak

pembiayaan utama yang banyak digunakan oleh bank-bank perdagangan Islam di Malaysia.

Namun begitu jika dilihat dari aspek nilai anjakan bersih, didapati konsep *Murābahah* pula telah mengungguli peratus pertambahan nilai anjakan bersih iaitu melebihi 30 peratus untuk setiap tahun yang dikaji. Peningkatan dalam penggunaan konsep ini adalah disebabkan banyak pembiayaan produk yang berasaskan konsep *Murābahah* ini melibatkan nilai pembiayaan yang besar. Jika dibandingkan dengan konsep *Muḍārabah* yang merupakan konsep utama dalam pembiayaan produk secara Islam, nilai pembiayaan yang melibatkan konsep ini adalah kecil berbanding konsep *Murābahah*.

## RUJUKAN

- Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM.
- Asian Finance Bank (AFB), <http://www.money3.com.my/MalaysiaHomeLoanMarket/Article/ArticleContent.spx>, 12 Mei 2008.
- Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php/ch=117&pg=366&ac=62&lang=bm>, 15 Mei 2008.
- Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=9&pg=15%ac=202>, 12 Mei 2008.
- BIRT (1998), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: BIRT.
- Citibank Berhad, [https://www.citibank.com.my/APPS/portal/genericLoadPage.do?tabNo=9&htmlPageName=/prod/det/islamic\\_home\\_partner.htm](https://www.citibank.com.my/APPS/portal/genericLoadPage.do?tabNo=9&htmlPageName=/prod/det/islamic_home_partner.htm), 24 Mei 2008.
- Esteban-Marquillas, J.M (1972), “Shift-and-Share Analysis Revisited”, *Regional and Urban Economics*, Jil. 2 Bil. 3.
- Fayrūz Abādī (1995), *al-Qāmūs al-Muḥīt*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Hammād, Nazīh (1993), *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt al-Iqtiṣādiyyah fī Lughah al-Fuqahā’*, Herndon: The International Institute of Islamic Thought.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn bin ‘Umar (1979), *Hāsyiyah Radd al-Mukhtār ‘alā al-Ḍurr al-Mukhtār (Hāsyiyah Ibn ‘Ābidīn)*, Jil. IV, Beirut: Dār al-Fikr.
- Joni Tamkin Borhan (2005), “Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia”, dalam Abdullah Alwi Hj Hassan *et.al* (eds), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Laporan Statistik Bulanan BNM, pelbagai bulan dari Disember 2006 hingga Disember 2008.
- Maybank, <http://www.maybank2u.com.my/corporate/maybankislamic.shtml>, 24 Mei 2008.
- Mohd Yahya Mohd Hussin dan Joni Tamkin Borhan (2009), “Analisis Perkembangan Pasaran Saham Islam di Malaysia”, *Jurnal Syariah*, 17(3), 431-456.
- Muhammad Abū Zahrah (1958), *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Muhammad Akram Khan (1994), *An Introduction to Islamic Economics*, Islamabad: International Institute of Islamic Thought and Institute of Policy Studies Islamabad.
- Muhammad Ibn Jarīr al-Ṭabarī (1995), *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl Ayi al-Qur’ān*, Jil. 5, Beirut: Dār al-Fikr.
- Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Radiyah Abdul Kader (2001), *Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd.
- Richardson, H. (1978), “The State of Regional Economies: A Survey Article”, *International Regional Science Review*, Jil. 3 Bil. 1.
- Shamsiah Mohamed dan Nor Fahimah Mohd Razif (2009), “Instrumen Pasaran Modal Islam di Malaysia: Tumpuan Kepada Sekuriti Patuh Syariah, Sukuk dan Reits Islam”, *Prosiding Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Surtahman Kastin Hasan (1995), *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Suruhanjaya Sekuriti (2008), *Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.
- Suruhanjaya Sekuriti, [http://www.sc.com.my/bm/default\\_bm.html](http://www.sc.com.my/bm/default_bm.html), 24 Mei 2008.
- Yūsuf al-Qaraḍawī (1996), *al-Ijtihād fī Syarī‘ah al-Islāmiyyah*, Kuwait: Dār al-Qalam.